

buletin *Selangorku Sayang*

BIL 4 | OKTOBER - DISEMBER | 2014 | EDARAN PERCUMA



MISI KEMANUSIAAN MANGSA BANJIR PANTAI TIMUR

MPS telah menghantar pasukan sukarelawan Misi Kemanusiaan Mangsa Banjir ke Pantai Timur pada 31 Disember 2014. Perasmian misi ini telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Azizi Bin Mohd Zain, Yang Dipertua MPS.

Objektif misi ini adalah untuk menyalurkan bantuan makanan dan keperluan asas di kawasan yang terlibat di Kampung Kemubu, Dabong dan Kampung Kuala Nal, Kuala Krai, Kelantan.

Misi yang diketuai Tuan Mohammad Zain Bin A Hamid, Timbalan YDP MPS turut diserta oleh seramai 25 orang terdiri dari kakitangan MPS.

Sebanyak 7 buah lori yang membawa muatan bahan makanan, pakaian serta keperluan asas yang lain diiringi, sebanyak 3 buah pacuan empat roda. Misi pertama ini dianggap sebagai meninjau keadaan untuk melihat keadaan sebenar di samping membuat penilaian keperluan barang dan peralatan bagi kegunaan mangsa banjir. Terlibat dalam membersihkan persekitraan kawasan yang dilanda banjir.



Imbas kod QR ini untuk menonton video misi banjir pantai timur MPS



Assalamualaikum w.b.t, dan Selamat Sejahtera

Syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan izin dan rahmatNya maka lahirlah Buletin Selayangku Sayang edisi ke-4 bagi tahun 2014.

Pencapaian dan Kejayaan Sepanjang 2014

Tahun 2014 akan kita tinggalkan tidak lama lagi dan ekspektasi dan harapan penduduk Selayang adalah tinggi untuk mendapatkan mutu perkhidmatan yang lebih baik dan berkesan. Saya berharap bagi tahun 2015, kakitangan MPS serta Ahli-ahli Majlis akan melipat gandakan usaha bagi meningkatkan integriti masing-masing demi maruah MPS, Negeri Selangor dan negara. Saya mengharapkan agar semua warga MPS dapat memperlihatkan satu usaha dan daya saing yang tinggi serta dapat memberikan komitmen yang berterusan demi menggalas tanggungjawab yang diamanahkan.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada semua warga kerja MPS, di atas kejayaan dan kecemerlangan serta pencapaian dalam pelaksanaan program dan aktiviti sepanjang tahun ini. Besar juga harapan saya supaya momentum ini dapat terus dikekal dan dipertingkatkan demi menjana motivasi diri dan gerak usaha kita ke arah transformasi yang lebih cemerlang pada tahun 2015.

Pelbagai kejayaan telah kita raih bersama atas nama semangat berpasukan demi menjaga dan menaikkan imej MPS. Pencapaian dan kejayaan dalam bidang kualiti dan inovasi, peningkatan pendapatan organisasi, kewujudan Unit Integriti, kecekapan pengurusan, kecekapan dalam pengajuran program dan pelbagai lagi.

Peningkatan Produktiviti dan Kualiti Kerja

Tahun 2015 adalah tahun mencabar yang memerlukan kita mendepani segala gerak kerja dan perancangan dengan teliti dan sistematik. Dalam usaha mencapai kecemerlangan, perkhidmatan yang pantas dan berkualiti merupakan kunci utama kepada kejayaan dan survival sesebuah organisasi.

Justeru, dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan, saya menyeru agar semua kakitangan MPS bekerja dengan amanah, ikhlas dan berdedikasi serta mengamalkan "Good Work Ethic" dalam memenuhi ekspektasi pelanggan, selain mengimplementasi konsep niat suci hati (*good faith*) dalam menjalankan tugas masing-masing.

Seluruh kakitangan semua haruslah berupaya untuk mengenal pasti peranan masing-masing dalam menjalankan tugas serta objektif dan sasaran yang telah ditetapkan pihak pengurusan. Insyaallah, kita akan mampu menghasilkan modal insan dan sistem penyampaian perkhidmatan yang cemerlang.

Sekian, terima kasih.

MOHD AZIZI BIN MOHD ZAIN

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada;

Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

No. Tel: 03 6126 5800 Fax: 03 6138 2728
E-mel: aduanmps@mps.gov.my
Tollfree: 1800-222-677

KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT YB DAROYAH



JAWATANKUASA Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga MPS telah mengadakan Lawatan Kunjung Hormat ke pejabat YB Dr. Puan Darayah Binti Alwi, Pengurus Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga Negeri Selangor pada 8 Disember 2014. Lawatan tersebut bertujuan untuk perkongsian idea dalam merangka dan melaksana program-program yang berkesan untuk golongan wanita dan keluarga di kawasan sekitar MPS.

Seramai 25 orang peserta diketuai oleh Pn. Norazlin binti Md. Samsudin selaku Pengurus Jawatankuasa telah menyertai lawatan kunjung hormat tersebut. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta juga turut hadir bersama bagi membentangkan Kertas Cadangan Mewujudkan Gimnasium Wanita kepada YB Dr. Puan Darayah.

PROGRAM KECERIAAN KAMPUNG KE ARAH MASYARAKAT BEBAS DENGGI

PROGRAM Keceriaan Kampung Ke Arah Masyarakat Bebas Denggi telah diadakan pada 16 November 2014 bertempat di Dataran Mid Valley, Kampung Tengah Lembah, Gombak. Program ini adalah anjuran Pejabat Ahli Parlimen Gombak dan JKKK Kampung Tengah Lembah dengan kerjasama MPS.

Matlamat penganjuran program ini adalah untuk memastikan kawasan setempat bebas denggi serta menjamin persekitaran yang bersih dan selamat untuk didiami. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara penduduk setempat dan pimpinan kerajaan Negeri Selangor.

Program ini telah dirasmikan oleh YAB. Tuan Mohamed Azmin bin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor, yang turut sama membersihkan kawasan setempat bersama-sama penduduk. Turut hadir dalam program ini ialah EXCO kerajaan Negeri Selangor, ADUN, Yang Dipertua MPS dan Ahli Majlis MPS.



PERLANTIKAN AHLI MAJLIS BARU IKRAR BERI PERKHIDMATAN TERBAIK PADA RAKYAT


MAJLIS Angkat Sumpah Penerimaan Jawatan dan Penyampaian Watikah Perlantikan Ahli Majlis MPS sesi 2014/2015 telah diadakan pada 10 Oktober 2014 melibatkan perlantikan Tuan Azman bin Yaakob dan Puan Zailah binti Kamaluddin.

Pada 12 November 2014 pula perlantikan Tuan A Rahim bin Ahmad Kasdi dan Puan Norsham Binti Abu Samah. Manakala perlantikan Lafaz Terima Jawatan Ahli Majlis Tuan Fok Wai Mun telah berlangsung pada 19 November 2014. Majlis angkat sumpah ini telah dilakukan di hadapan Tuan YDP MPS.

Tuan YDP dalam ucapannya seterusnya telah mengingatkan agar semua Ahli Majlis memahami peranan utama mereka iaitu sebagai penasihat dan pembuat dasar. Tuan YDP juga berharap Ahli Majlis dapat mewujudkan kerjasama terbaik dengan pegawai-pegawai MPS supaya tugas harian dapat berjalan dengan lancar dan perkhidmatan terbaik dapat diberikan kepada masyarakat.



Tuan YDP bersama Tuan A Rahim bin Ahmad Kasdi dan Puan Norsham Abu Samah



Tuan Fok Wai Mun



Tuan Azman bin Yaakob Puan Zailah Binti Kamaluddin



OKTOBER 29/10/2014



Penyelesaian Aduan Mengenai Masalah Anjing Liar dan Strategi Menangani Masalah Denggi

Mesyuarat dimaklumkan bahawa satu program akan diadakan di seluruh Negeri Selangor dan satu program gotong royong serentak akan dijalankan bagi tujuan membasmi pembiasaan nyamuk Aedes.

Oleh itu, Tuan Pengurus meminta pihak jabatan menyediakan satu papan tanda khas yang memaparkan mengenai bilangan kes kematian denggi tertinggi di Daerah Gombak. Papan tanda tersebut dicadangkan dipasang di kawasan 'hot spot' yang bersesuaian.

Sehubungan dengan itu, Tn. Gunarajah a/l R. George, Ahli Majlis menyarankan agar pihak jabatan memberi keutamaan di kawasan komersial seperti di restoran dan kawasan kilang untuk meningkatkan penangkapan anjing liar. Beliau juga menyarankan agar unit penangkapan anjing liar dianggotai dengan lebih ramai lagi.

Selain itu, Tn. Amir Fazlee b. Khalid, Ahli Majlis meminta pihak jabatan melihat semula penjadualan kutipan sampah di kawasan apartment. Selain dari itu, tempat pembuangan sampah sementara di kawasan tepi jalan perlu diambil kira dari segi kebersihan.

NOVEMBER- 25/11/2014

Isu Gerai Sewa Atas Sewa



Tuan Mohd Fauzan b. Madzlan, Ahli Majlis meminta pihak jabatan mengambil tindakan ke atas gerai-gerai di bawah seliaan Majlis yang dijadikan gerai sewa atas sewa oleh warga asing.

Sehubungan dengan itu, Tn. Gunarajah a/l R. George, Ahli Majlis mencadangkan perlu ada satu penguatkuasaan atas menyalahgunakan gerai sewa atas sewa ini.

Gerai Yang Tidak Beroperasi

Tuan Azman b. Yaacob, Ahli Majlis mendapat bahawa terdapat beberapa gerai yang disewa tidak beroperasi dan didapati



penyewa menjadikan gerai tersebut sebagai stor.

Sehubungan dengan itu, beliau meminta agar jika terdapat gerai yang disewa tidak beroperasi selama dua hingga tiga bulan, beliau meminta pihak jabatan mengambil tindakan ke atas penyewa dan digantikan dengan penyewa baru.

Sehubungan itu, Tuan YDP meminta agar pihak jabatan bertindak agresif dan cuba dapatkan maklumat mengenai isu gerai yang tidak beroperasi.

DISEMBER- 31/12/2014

Ucapan Penangguhan



Mengambil ikhtiar daripada peristiwa banjir besar yang melanda beberapa negeri di Semenanjung Malaysia, Tuan A Rahim bin Ahmad Kasdi menyarankan MPS untuk memberikan penekanan terhadap penerapan amalan-amalan mengurangkan risiko bencana meliputi peringkat sebelum, semasa dan selepas sesuatu kejadian bencana berlaku.

Sehubungan dengan itu, beliau menyarankan MPS mengenalpasti zon/kawasan yang berisiko tinggi dengan bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh. Mengadakan hubungan kolaborasi yang berterusan dengan semua agensi kerajaan, NGO, JKP/JKKK dan lain-lain agar dapat sama-sama

membantu dan memainkan peranan yang lebih berkesan. Menyiap siaga 'Search & Rescue Team' atau 'Special Task Force' agar sentiasa bersiagap sedia untuk menghadapi apa jua kemungkinan.

Tarikh 31 Disember 2014, merupakan tarikh akhir sebagai Ahli Majlis Perbandaran Selayang untuk sesi 2013/2014. Sebagai Ketua Whip beliau mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Tuan YDP, TYDP, Pengarah-pengarah Jabatan serta seluruh warga kerja MPS atas kerjasama yang diberikan sepanjang tempuh perkhidmatan. Segala pengalaman dan ilmu yang diperolehi sepanjang berada dan bertugas di MPS bakal dijadikan pedoman untuk terus bekerja demi kesejahteraan rakyat di Selayang khususnya dan Negeri Selangor amnya.

KONVENSYEN KIK PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR KE 27 MPS LAYAK KE PERINGKAT AKHIR

DUA kumpulan KIK MPS telah berjaya melayakkan diri ke Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Ke 27 Tahun 2014. Majlis berlangsung di Auditorium, Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Shah Alam dan telah diadakan pada 1 hingga 3 Oktober 2014.

Kedua-dua kumpulan yang mewakili MPS di dalam kategori pengurusan ialah Kumpulan EvH dari Jabatan Kesihatan dan Kumpulan Mauris dari gabungan Jabatan Kejuruteraan, Unit Pusat

Setempat dan Teknologi Maklumat.

Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato' Haji Mohamad Roslan bin Sakiman, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan). Sejumlah 16 kumpulan dari seluruh Selangor telah layak ke peringkat akhir ini dengan sebanyak lapan kumpulan mengambil bahagian dalam kategori pengurusan dan lapan kumpulan dalam kategori teknikal.



BENGKEL PASUKAN AUDIT DALAM MS ISO 9001: 2008 PASUKAN AUDIT MANTAPKAN PENGETAHUAN



DALAM usaha untuk memantapkan lagi pengetahuan Pasukan Audit Dalam berkaitan klausula-klausula dalam standard yang dikeluarkan oleh SIRIM, Bengkel Pasukan Audit Dalam MS ISO 9001:2008 telah diadakan pada 17 hingga 19 November 2014 di Fave Hotel Pulau Langkawi, Kedah.

Antara pengisian utama bengkel ini adalah semakan terhadap laporan audit SIRIM bagi tahun 2014, selain memantau maklumbalas dan tindakan yang diambil oleh jabatan terhadap enam peluang penambahbaikan (OFI) yang dikemukakan oleh Pasukan Audit SIRIM pada audit pensijilan semula yang lepas.

ANUGERAH INOVASI NEGARA 2014 KUMPULAN UNA VOCE LAKAR SEJARAH



BUAT julung kalinya MPS telah melakar sejarah dimana Kumpulan Una Voce dari Jabatan Perundungan telah berjaya menjadi finalis Anugerah Inovasi Negara 2014 anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia.

Majlis Anugerah Inovasi Negara 2014 telah diadakan pada 31 Oktober hingga 2 November 2014 bertempat di Putra World Trade Centre

(PWTC) Kuala Lumpur.

Sebanyak 158 kumpulan telah menghantar penyertaan dan hanya 10 kumpulan sahaja yang terpilih bagi memasuki Anugerah Inovasi Negara Tahun 2014 bagi setiap kategori. Terdapat empat kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori Perkhidmatan, Kategori Produk, Kategori Akar Umbi Dan Kategori Sekolah.

PERASMIAN PENCARIAN BAUCER BAYARAN MELALUI SISTEM ELEKTRONIK MPS TAMBAH KECEKAPAN PENGURUSAN

DALAM usaha MPS untuk menambah kecekapan dalam proses kerja, Sistem Pencarian Baucer Bayaran Melalui Sistem Elektronik di Bahagian Kewangan telah diwujudkan.

Majlis pelancaran sistem tersebut telah diadakan pada 6 November 2014 oleh Yang Dipertua MPS. Tuan YDP mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perbendaharan atas inisiatif mewujudkan sistem ini dan berharap ia dapat menjadi nilai tambah kepada kecekapan pengurusan untuk mendapatkan dokumen di samping meningkatkan imej MPS dan kepuasan hati pelanggan.



SELANGORKU BEBAS AEDES & GOTONG-ROYONG PERDANA APB 5S

MPS telah mengadakan Program Selangorku Bebas Aedes dan Gotong-Royong Perdana APB 5S MPS pada 12 November 2014 bertempat di Dataran MPS.

Program bersempena kempen 'Selangorku Bebas Aedes' yang diadakan di seluruh PBT Negeri Selangor bagi memastikan persekitaran setiap premis di Selangor sentiasa bersih seterusnya terhindar daripada pembiakan jentik-jentik nyamuk Aedes,

Program gotong-royong ini melibatkan seluruh kakitangan MPS yang diadakan di ibu Pejabat MPS termasuk juga di Pejabat MPS Cawangan Rawang, Bengkel MPS Rawang dan Kompleks Sukan Seri Siantan.

Tuan YDP dalam ucapan beliau telah menyeru semua kakitangan agar turut

memainkan peranan dengan memastikan selain persekitaran kerja, kawasan persekitaran rumah masing-masing juga perlu diambil perhatian dengan memeriksa longkang, saluran hujan yang tersumbat, menyapu, menanam tin-tin kosong dan meletak bahan pembunuhan jentik-jentik di dalam bekas takungan air bagi mencegah nyamuk aedes daripada membiak.

Pelepasan peserta-peserta gotong-royong ini telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MPS dengan kehadiran Ahli Majlis dan pengarah-pengarah Jabatan MPS. Selain itu, sebahagian kakitangan MPS turut terlibat melaksanakan program gotong-royong APB 5S di zon masing-masing sebagai meneruskan aktiviti 5S MPS.



PENGAUDITAN TERHADAP PENGURUSAN KEWANGAN



JABATAN Audit Negara Negeri Selangor telah menjalankan Pengauditan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti pada 8 Disember 2014 bertempat di Bilik Anggerik, MPS. Seramai lapan Pegawai Audit telah menjalankan pengauditan tersebut.

Objektif pengauditan dijalankan untuk membuat rumusan mengenai tahap pengurusan kewangan MPS dengan menentukan :

- Wujudkan struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- Wujudnya sistem kawalan dalam yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan, amanah, kontrak, aset serta inventori.
- Pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemaskini.

Hasil daripada pengauditan yang dijalankan, satu penilaian akan dibuat untuk memberi penarafan terhadap prestasi pengurusan kewangan di MPS.

MPS KONGSI PENJAGAAN RUMPUT STADIUM

MAJLIS Perbandaran Selayang telah menerima kunjungan hormat dari Pengurus Perbadanan Stadium Malaysia, Datuk Rozabil Abdul Rahman dan Ahli Perbadanan Stadium Malaysia pada 3 November 2014.

Rombongan lawatan ini adalah bagi meninjau dan berkongsi idea bersama pihak MPS mengenai cara penjagaan rumput di Stadium Majlis Perbandaran Selayang yang merupakan antara padang terbaik di Malaysia. Pihak MPS juga turut memberikan taklimat ringkas kepada ahli rombongan mengenai cara penyediaan dan penjagaan rumput di Stadium MPS yang merupakan stadium terpilih bagi lokasi Kejohanan Liga Malaysia dan Antarabangsa.



PERASMIAN BILIK FAIL JABATAN BANGUNAN MPS BELANJA RM400,000 BINA STOR FAIL BARU

MASALAH pertambahan fail dan tempat simpanan terhad yang dihadapi oleh Jabatan Bangunan MPS kini dapat diselesaikan selepas stor simpanan fail MPS siap dibina pertengahan tahun ini. Majlis perasmian telah dilakukan oleh Yang Dipertua MPS pada 13 November 2014 yang turut dihadiri oleh Timbalan YDP MPS dan pengarah-pengarah jabatan MPS.

Stor yang menelan belanja sebanyak RM400,000 ini mampu memuatkan hingga 1 juta fail dan dilengkapi dengan sistem penghawa dingin serta sistem keselamatan bagi memastikan fail-fail yang disimpan berada dalam keadaan baik.

Tuan YDP dalam ucapan perasmian menekankan kepentingan memelihara fail dan rekod kerana ianya mempunyai nilai-nilai kekal dan amat penting sebagai bahan bukti dan sumber rujukan di masa hadapan.



"CHEFMANSIPH AKADEMI" DIDIK PENIAGA TENTANG PENYEDIAAN MAKANAN BERKUALITI



JAWATANKUASA Penduduk Zon 19 dengan kerjasama Unilever Food Solutions dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah mengadakan program *Chefmanship Akademi* - Seminar Keselamatan dan Peniaga Bijak pada 09 Disember 2014 bertempat di Dewan Sri Siantan, Sg. Tua. Program ini telah dirasmikan oleh Tuan YDP MPS.

Program selama sehari menerangkan cara yang betul kepada peniaga makanan dalam menyediakan makanan supaya ia berkualiti dan berketerampilan,

terutama kepada pengguna.

Selain itu, program ini bertujuan untuk merapatkan hubungan yang lebih erat di kalangan para peniaga diseluruh kawasan seliaan MPS

Program ini juga, dapat mengetengahkan produk Kerajaan Negeri melalui gerai pameran yang diadakan dalam usaha memastikan kualiti kehidupan masyarakat peniaga kecil, sederhana dan penjaja khususnya peniaga melayu dapat dipertingkatkan

SPCA BINCANG USAHASAMA PANTAU KEBAJIKAN HAIWAN




SPCA telah menerima lawatan dari Persatuan Pencegahan Penganiayaan Haiwan Selangor (SPCA) yang diketuai Tan Sri Lee Lam Thye yang juga merupakan penaung SPCA pada 12 November 2014.

Objektif lawatan ini adalah bertujuan untuk membincangkan usahasama secara MOA (*Memorandum Of Agreement*) antara MPS dan SPCA. Antara perkara yang dibincangkan adalah :-

- Untuk melaksanakan program KEMBIRI bagi maksud kepada syarat pelesenan pemilikan anjing bertujuan mengawal populasi anjing terbiasa.
- Dapat membantu meningkatkan jumlah anjing peliharaan berlesen dalam kawasan MPS.
- Mengadakan kempen kesedaran di kalangan pemilik anjing berkaitan kepentingan penjagaan dan kebajikan terhadap haiwan kesayangan.
- Mewujudkan kesedaran terhadap komuniti setempat berkaitan kepentingan penjagaan dan kebajikan haiwan.

HARI INOVASI DAN INTEGRITI

" MELESTARIKAN INOVASI,



INTEGRITI MPS

"MEMARTABATKAN TRANSFORMASI"



SAMBUTAN Hari Inovasi MPS tahun 2014 telah diadakan pada 10 hingga 11 November 2014 bertempat di Lobi, Menara MPS.

Sambutan ini telah diisi dengan pameran projek KIK daripada kumpulan Creative Solution, Facil-It, Kaizen II, EvH dan Mauris.

Ceramah motivasi juga turut diadakan dan telah disampaikan oleh Puan Suraya binti Adnan dari Jabatan Audit Negara. Selain pameran projek KIK, pameran turut disertai oleh Perpustakaan Daerah Gombak serta pameran daripada Unit Intergiti Korporat PKNS.

Bagi program integriti, ceramah integriti telah disampaikan oleh penceramah Motivasi Bergitar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia iaitu Tuan Mohd Radzi bin Omar. Ceramah ini telah dihadiri seramai 400 kakitangan MPS.

1. Nyanyian lagu Negaraku, Selangor dan MPS.
2. Tuan YDP menyampaikan ucapan aluan dan merasmikan Hari Inovasi Peringkat MPS.
3. Johan bagi projek KIK telah dimenangi oleh kumpulan EvH dari Jabatan Kesihatan yang memenangi RM3 ,000 beserta sijil penyertaan.
4. Tempat ke-2 telah dimenangi oleh Kumpulan Mauris dari Jabatan Kejuruteraan.
5. Bagi penyampai terbaik KIK telah dimenangi oleh En. Azhar bin Che Salleh.
6. Penyampaian hadiah pertandingan APB 5S Tahun 2014:- Keseluruhan terbaik
 - Tempat Pertama : Zon Cinnamomun
 - Tempat Kedua : Zon Tectona
 - Tempat Ketiga : Zon Acacia
7. Sudut Terbaik - Zon Hopea.
8. PIC Terbaik - Zon Cassia (Pn. Siti Norosmila binti Rashidihib)
9. Pengurusan Dokumen Terbaik - Zon Cinnamomun.
10. Bilik Pengarah Terbaik - Zon Michelia (Pn. Norshima binti Norzlan)
11. Tuan YDP melawat ke tapak pameran kumpulan KIK MPS.
12. Ceramah motivasi juga turut diadakan dan telah disampaikan oleh Puan Suraya binti Adnan dari Jabatan Audit Negara.
13. Sebahagian kakitangan yang menghadiri ceramah integriti oleh pegawai SPRM.
14. Ceramah Motivasi Muzikal Pengurusan Integriti oleh penceramah bergitar Tuan Mohd Radzi bin Omar.



Imbas kod QR ini lebih banyak gambar Hari Inovasi dan Integriti MPS

MPS MUSNAH BARANG RAMPASAN

SEBANYAK 1,180 set komputer yang dirampas oleh MPS semasa operasi bermula dari Disember 2013 hingga 2014 telah dilupuskan disatu majis pelupusan yang diadakan pada 25 November 2014 di perkarangan tempat letak kereta MPS.

Antara barang yang dilupuskan adalah set set komputer yang dirampas dari kafe siber haram dan pusat judi melibatkan premis sekitar Selayang, Gombak dan Rawang. Tindakan pelupusan ini dibuat selepas aset yang dirampas tidak dituntut mengikut tempoh yang ditetapkan atau tidak boleh dikembalikan semula seperti rampasan dari pusat judi. Turut dilupuskan adalah ratusan cakera padat haram dan lucah hasil aduan dan pemantauan dalam operasi yang dijalankan.

Majlis pelupusan ini dihadiri oleh YDP MPS, Timbalan YDP MPS, Ahli Majlis, Pengarah Jabatan dan kakitangan.



OPERASI SUNGAI SAMAK MPS SERBU 5 KILANG HARAM

DUA sitaan dan tiga tindakan perobohan struktur dikenakan ke atas lima kilang dalam operasi di Sungai Samak, Rawang pada 6 November 2014.

Tindakan adalah lanjutan penguatkuasaan yang dibuat selepas notis dan kompaun yang dikeluarkan melibatkan kilang yang beroperasi di kawasan berkenaan kerana tiada permit kebenaran mendirikan bangunan. Antara premis yang dirobohkan adalah kilang bawang, stor baja dan pemprosesan pasir sementara tindakan sitaan peralatan pula adalah kilang batu-bata dan besi serta tauge.

Sekurang-kurangnya 80 anggota terlibat dalam operasi berkenaan termasuk bantuan luar dari PDRM, TNB dan Jabatan Imigresen.



OPERASI ROBOH RUMAH HARAM 50 RUMAH SETINGGAN DAN RUMAH KONGSI DIROBOH

SEKURANG-kurangnya 50 unit rumah setinggan dan rumah kongsi dalam tapak pembuangan sampah haram di Sungai Kertas, Gombak dirobohkan pada 9 Oktober 2014. MPS memasuki kawasan berkenaan jam 8.30 pagi untuk memulakan operasi yang tamat lima jam kemudian. Sebanyak 45 anggota dalam jabatan MPS menyertai operasi berkenaan selepas mendapat arahan penutupan kawasan daripada Menteri Besar Selangor.

Selain perobohan, beberapa mesin yang terdapat dalam kawasan tersebut juga disita bagi melumpuhkan kegiatan dalam kawasan tersebut. Selepas perobohan dan meratakan tanah selesai, halangan di laluan pintu masuk dibuat serta merta selain pemantauan berkala bagi memastikan tiada aktiviti pembuangan sampah haram dilakukan.



KARNIVAL KOLAM AIR PANAS SELAYANG PROMOSI LOKASI PERUBATAN ALTERNATIF

MPS dengan kerjasama Kerajaan Negeri Selangor telah menganjurkan Karnival Kolam Air Panas Selayang pada 13 hingga 14 Disember 2014 bertempat di Kolam Air Panas Selayang.

Program ini bertujuan untuk mempromosikan lagi kawasan rekreasi dan kolam air panas kepada pengunjung luar dan dalam negara sebagai salah satu tempat pelancongan kesihatan yang berada di dalam kawasan Majlis Perbandaran Selayang.

Karnival ini telah dirasmikan oleh YB. Puan Dr. Daroyah Alwi, EXCO

Kerajaan Negeri Selangor. Karnival ini turut melibatkan agensi kerajaan dan swasta antaranya Jabatan Mineral dan Galian Negeri Selangor, Persatuan-persatuan Perubatan Tradisional, Usahawan dan pihak Standard Chartered.

Program selama dua hari ini diisi dengan pengisian pelbagai acara menarik seperti penerangan dan pameran pembangunan Kolam Air Panas Selayang, pameran kesihatan, pertandingan senamrobik, jualan produk usahawan dan juga gotong-royong.



Hubungi untuk aduan
atau pertanyaan
mengenai :

- | | |
|--------------------|--------------------|
| ► Sampah | ► Penguatkuasaan |
| ► Cukai Taksiran | ► Landskap / Pokok |
| ► Alam Sekitar | ► Haiwan |
| ► Kemudahan Awam | ► Bencana Alam |
| ► Permohonan Lesen | ► Jalan |
| ► Penyelenggaraan | ► Lain-lain |

Bahagian Pengaduan Awam
Jabatan Korporat

Majlis Perbandaran Selayang Menara MPS,
Persiaran 3, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 603-6126 5800 Fax: 603-6138 8933 E-Mel: aduanmps@mps.gov.my

**TALIAN
ADUAN
BEBAS TOL
MPS**
1800-222-677



PROGRAM RUMAH TERBUKA DEEPAVALI PERINGKAT NEGERI SELANGOR

MAJLIS Perbandaran Selayang dan Pejabat ADUN Batu Caves dengan kerjasama Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan sambutan Deepavali peringkat Negeri Selangor di perkarangan tempat letak kereta, Wisma Keringat, Batu Caves yang turut diadakan di Bandar Rawang. Kedua-dua sambutan perayaan ini telah diadakan pada 8 November 2014.

Objektif pengajian program ini adalah bagi memberi peluang masyarakat untuk bersama-sama pentadbiran Kerajaan Negeri yang baru terutama YAB. Tuan Mohamed Azmin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor. Turut hadir dalam sambutan perayaan ini adalah EXCO Kerajaan Negeri Selangor, ADUN dan Ahli Parlimen kawasan, YDP dan juga Ahli Majlis.



SAMBUTAN DEEPAVALI PERINGKAT MPS

PERSATUAN Kakitangan Kaum India, MPS telah mengadakan sambutan Deepavali peringkat MPS pada 7 November 2014 bertempat di Dewan Kompleks Sukan Seri Siantan, Sg. Tua, Batu Caves.

Sambutan ini adalah bertujuan untuk meraikan sambutan perayaan Deepavali dalam kalangan kakitangan dan ahli keluarga kaum India MPS. Pelbagai acara telah diadakan antaranya adalah persembahan kebudayaan. Hampir 300 orang kakitangan dan keluarga kakitangan kaum India telah hadir.

Sambutan ini telah dirasmikan oleh Yang Dipertua, MPS. Turut hadir dalam sambutan ini adalah Ahli Majlis dan para pengarah jabatan MPS.



BENGKEL PERUBATAN ISLAM

BIRO Agama dan Kebajikan, Kelab Sukan dan Kebajikan, MPS telah menganjurkan Bengkel Perubatan Islam di Dewan Keraian pada 30 Oktober 2014. Bengkel perubatan kali ini adalah siri ke-2.

Ustaz Abdul Majid bin Hasan selaku penceramah jemputan berkata bengkel kali ini lebih tertumpu kepada pembelajaran secara praktikal kepada peserta. Seminar ini juga bertujuan untuk menggalakkan masyarakat supaya mengamal dan menggunakan kaedah rawatan Islam.

Selain daripada mengetengahkan perubatan Islam yang berteraskan penggunaan ayat-ayat suci Al-Quran dalam merungkai masalah penyakit zahir dan batin, peserta juga turut didekah dengan cara merawat diri melalui sesi penerangan rawatan Islam dan kaedah merawat diri sendiri.

BIRO AGAMA & KELAB SUKAN MPS ANJUR MAJLIS IBADAH QURBAN

PROGRAM ibadah Qurban yang merupakan acara tahunan anjuran Biro Agama, Kelab Sukan dan Kebajikan MPS telah diadakan di perkarangan Ibu Pejabat MPS pada 8 Oktober 2014.

Majlis ini turut disertai Tuan YDP, Ahli Majlis dan kakitangan MPS. Pada tahun ini dua ekor lembu dikorbankan dan telah diagihkan kepada kakitangan MPS.



PERTANDINGAN SUKAN ANTARA JABATAN MPS

MAJLIS penyampaian hadiah kejohanan sukan antara Jabatan MPS bagi tahun 2014 telah diadakan pada 22 Disember 2014 bertempat di Lobi Menara MPS.

Sukan antara Jabatan MPS telah dilaksanakan bermula bulan Januari hingga Disember 2014. Sebanyak 10 acara sukan telah dipertandingkan iaitu dart, bowling, karom, badminton, catur, futsal, dam haji, takraw, tarik tali dan ping pong.

Johan keseluruhan Kejohanan Sukan Antara Jabatan MPS Tahun 2014 jatuh kepada gabungan antara Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Bahagian Urusetia.

ACARA	JOHAN	N. JOHAN	KE-3
Dart	Jabatan Perbendaharaan	Jabatan Kejuruteraan	Jabatan Pelesenan/ COB dan OSC
Bowling	Jabatan Kejuruteraan B • High Score Lelaki - En. Mohd Khairy Bin Mohd Redzuan (Jabatan Perbendaharaan) • High Score Perempuan - Y.M. Tengku Nur Ezzaty Bt. Ku Aziz (Jabatan Pelesenan)	Jabatan Pelesenan/ COB dan OSC	Jabatan Perbendaharaan C
Karom	Jabatan Kejuruteraan	Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan	Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Bahagian Urusetia
Badminton	Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Bahagian Urusetia	Jabatan Kejuruteraan	Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan
Catur	Jabatan Teknologi Maklumat, Jabatan Perundangan dan Jabatan Korporat	Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Bahagian Urusetia	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
Futsal Lelaki	Jabatan Kesihatan A	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan B
Futsal Perempuan	Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Bahagian Urusetia	Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan	Jabatan Pelesenan/ COB dan OSC
Dam Haji	Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Bahagian Urusetia	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam	Jabatan Pelesenan/ COB dan OSC
Takraw	Jabatan Kesihatan A	Jabatan Kesihatan B	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
Tarik Tali	Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan B	Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan A	Jabatan Bangunan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan dan Jabatan Audit Dalam
Ping Pong	Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Bahagian Urusetia	Jabatan Kejuruteraan	Jabatan Khidmat Pengurusan

PERHIMPUNAN BULANAN MPS





Tuan A. Rahim bin Ahmad Kasdi
Ahli Majlis Zon 9

KURSUS PEMASARAN DIGITAL

JAWATANKUASA Penduduk Zon 9 MPS telah mengadakan Kursus Pemasaran Digital yang diadakan pada 14 Disember 2014 bertempat di padang Kg. Sg. Tua Batu Caves.

Program ini bertujuan untuk membantu kaum wanita mencari inisiatif bagi menambah pendapatan serta mendidik wanita yang berminat dalam perniagaan sendiri secara *online*.

Program ini turut mendedahkan kepada para peserta dalam mempelajari tujuh teknik penting untuk meningkatkan tahap perniagaan masing-masing.



Tuan Amir Fazlee bin Khalid
Ahli Majlis Zon 12

PROGRAM KLINIK BOLASEPAK

AHLI Majlis Zon 12 dengan penglibatan dan kerjasama daripada Belia K'TAS telah menganjurkan Program Klinik Kesihatan pada 14 Disember 2014 bertempat di Padang Kg. Sg. Tua Batu Caves.

Program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada golongan kanak-kanak yang mempunyai minat bersukan namun tidak berpeluang untuk mengikuti latihan intensif yang sempurna. Program ini juga berjaya menarik minat anak-anak muda untuk memperbaiki keyakinan diri melalui aktiviti sukan selain dapat meningkatkan lagi teknik dan taktik asas permainan bolasepak. Seramai 40 orang peserta kanak-kanak yang tinggal di kawasan sekitar Zon 12 dan Dun Batu Caves telah menghadiri program ini.



Tuan Gunarajah a/l R. George
Ahli Majlis Zon 17

KEJOHANAN KABADDI TERBUKA SELAYANG

JAWATANKUASA Penduduk Zon 15 MPS telah mengadakan Kejohanan Kabaddi Terbuka Selayang bertempat di Padang Awam Taman Velox, Rawang pada 5 Oktober 2014. Kejohanan ini pertama kali dianjurkan oleh JKP Zon 17.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk menyemarakkan minat, kemahiran dan pengalaman orang muda dalam permainan kabaddi serta menarik perhatian golongan muda daripada melakukan aktiviti-aktiviti yang kurang berfaedah.



Tuan Lim Ching How
Ahli Majlis Zon 8

GOTONG-ROYONG

“PERSEKITARAN KAMPUNGku BERSIH BEBAS WABAK DENGGI DAN TIKUS”

JAWATANKUASA Penduduk Zon 8 MPS telah mengadakan gotong-royong bertempat di Kampung Seri Gombak Indah Batu Caves pada 8 November 2014. Aktiviti ini melibatkan Persatuan Penduduk dan Jemaah Surau Al-Muhajirin Kg. Seri Gombak Indah dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Gombak, Jabatan Perkhidmatan Persekutuan dan Jabatan Kesihatan, MPS.

Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada penduduk tentang kepentingan aktiviti gotong-royong pembersihan kawasan sekitar di samping membasmi tempat pembiakan nyamuk

aedes, aktiviti seperti ini juga dapat memupuk semangat kejiraninan dikalangan penduduk setempat. Aktiviti ini berjaya menghimpunkan hampir 80 orang peserta.



Tuan Mustafa Kamal bin Othman
Ahli Majlis Zon 7

HARI KESIHATAN DAN KESELAMATAN

JAWATANKUASA Penduduk Zon 7 telah mengadakan Hari Kesihatan dan Keselamatan pada 30 November 2014 bertempat di kawasan sekitar Taman Gombak Ria dan Taman Berjaya.

Program ini bertujuan untuk mewujudkan dan meningkatkan semangat kerjasama dikalangan penduduk setempat dalam menjaga kesihatan dan keselamatan di sekitar kawasan kediaman. Dengan adanya aktiviti seperti ini secara tidak langsung dapat meningkatkan sifat keprihatinan dan komitmen

masyarakat terhadap kebersihan, keindahan dan keceriaan. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan pada program tersebut adalah seperti pembasmian tikus dan nyamuk Aedes bersama pihak MPS, taklimat keselamatan daripada PDRM, demonstrasi keselamatan oleh pihak Bomba dan Penyelamat Malaysia, pembersihan longkang sekitar kawasan kediaman, pemeriksaan kesihatan percuma serta program derma darah dan juga cabutan bertuah.

GUA DAMAI TAWAR PENGALAMAN BARU

LAWATAN Pelancongan ke Gua Damai, di Kg. Wira Damai telah diadakan pada 28 Oktober 2014. Program meneroka gua ini melibatkan seramai 50 orang peserta yang terdiri dari Jawatankuasa Kemasyarakatan MPS. Program separuh hari ini turut melibatkan pihak media.

Objektif program ini adalah bagi memperkenalkan produk pelancongan yang terdapat di dalam kawasan MPS di samping untuk membina jati diri, kerjasama dan kesihatan kepada para peserta.

Antara aktiviti lain yang terdapat di kawasan Rekreasi Gua Damai ini ialah *base jump*, perkhemahan, *rock climbing*, *flying fox* dan *abseiling*.



LAWATAN PELANCONGAN KE MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR



MPS telah mengadakan lawatan ke produk-produk pelancongan di Majlis Daerah Kuala Selangor selama dua hari pada 17 hingga 19 Disember 2014.

Lawatan tersebut bertujuan untuk melihat produk-produk pelancongan yang terdapat di MDKS seperti Kelip-kelip Kg. Kuantan, Bukit Melawati dan produk homestay yang selalu menjadi tumpuan

dan kunjungan dari para pelancong dari luar maupun dalam negara.

Hasil daripada lawatan tersebut satu Jawatankuasa Teknikal Pelancongan akan ditubuhkan bagi menjadikan Selayang sebagai salah satu bandar pelancongan serta mempromosikan produk yang terbaik di Selayang untuk menjana pendapatan.

Selain itu, MPS berharap dapat mewujudkan pakej pelancongan di Selayang serta menaiktaraf kemudahan dari segi fasiliti dan infrastruktur di tempat-tempat pelancongan dalam kawasan MPS dan mempromosikan lagi kawasan-kawasan pelancongan MPS ke peringkat dalam dan luar negara.

KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MPS ANJUR PERTANDINGAN MEMANCING

PERTANDINGAN Memancing Tertutup yang merupakan anjuran



Kelab Sukan dan Kebajikan MPS telah diadakan di Taman Rimba Bukit Lagong pada 20 Disember 2014.

Dalam program tersebut beberapa acara turut di pertandingkan antaranya pertandingan ukiran buah tembikai dan pertandingan *puzzle* bagi kanak-kanak.



mes Merakyatkan Ekonomi Selangor
sejak 2008

TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR

Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas)
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH,
Park City, I-City, 40000 Shah Alam, Selangor.
Tel: 03-5521 8740 atau 03-5521 8741
Faks: 03-5521 8742 atau 03-5521 8743

SKIM MESRA USIA EMAS

Rantaian Mesra Sdn. Bhd.
Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel: 03-5510 3468 / 3472, Faks: 03-5510 3455
E-mail: mesrausiaemas@gmail.com

HADIAH ANAK MASUK IPT

Pejabat Setiusaha Kerajaan Negeri Selangor
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Tingkat 3, Bangunan S.S.A.S 40503 Shah Alam,

Tel: 03-5544 7385 atau 03-5521 2275
Faks: 03-5510 4095 atau 03-5511 0659

TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG

Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, Tingkat 5, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam.
Tel: 03-5544 7306 atau 03-5512 3618,
Faks: 03-5510 6678

PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC)

Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi Dan Inovasi
Tel: 03-5519 4346 atau 03-5544 7622, Faks: 03-5519 3304



Negeri Idaman, Maju,
Sejahtera dan Berkebajikan
selangorku

Hasil Negeri Untuk Rakyat



BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU

Kumpulan Darul Ehsan Berhad
16th-17th Floor, Plaza Perangsang, Persiaran Perbandaran,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-5510 3999, Faks: 03-5510 9977
E-mail: communications@kded.com

PROGRAM PENINGKATAN HASIL BANTUAN DAN GALIAN

Kumpulan Semesta Sdn. Bhd
No. 2-12-01, Worldwide@7, Jalan Lazuardi 7/29
Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-5518 7735, Faks: 03-5518 7736
E-mail: info@semesta.com.my
url: www.semesta.com.my

SELANGOR MOUNTAIN BIKE CHALLENGE DAPAT SAMBUTAN HANGAT



MAJLIS Perbandaran Selayang dan Jawatankuasa Penduduk Zon 21 telah bekerjasama dalam menganjurkan Selangor Mountain Bike Challenge 2014 yang berlangsung di Tasik Biru Kundang, Selangor Darul Ehsan pada 30 November 2014, yang mana telah memasuki edisi ke-6 penganjuran acara basikal lasak ini.

Kejohanan ini berlangsung dengan pengenalan lokasi 'venue' baru yang lebih

mencabar dan unik seterusnya menjadikan Selangor Mountain Bike Challenge 2014 sebagai acara 'Mountain Bike' yang memberi konsep acara pertandingan untuk semua golongan dan pelbagai peringkat.

Segmen 'cross country' 40 km, yang meliputi katogeri Open, Open Selangor, Team Challenge, Remaja, Veteran dan Wanita. Penyertaan untuk tahun 2014 telah menerima sebanyak 500 penyertaan dan menjadikan

acara yang paling di minati oleh peminat kepelbagaian kategori dalam acara ini. Majlis penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB. Tuan William Leong Jeen Keen, Ahli Parlimen Selayang.



KEJOHANAN BOWLING BERSAMA MEDIA

BERTEMPAT di Wangsa Bowl, Selayang Mall pada 27 Disember 2014, telah diadakan Kejohanan Bowling Bersama Media. Kejohanan ini melibatkan Pengarah Jabatan MPS dan juga pihak media yang berjaya mengumpulkan 33 orang peserta.

Objektif penganjuran kejohanan ini adalah untuk menjalin dan mengeratkan lagi hubungan kerjasama antara MPS dan pihak media. Kejohanan ini membolehkan kedua-dua belah pihak mengenali dengan lebih rapat dan bertukar-tukar pandangan.

Kejohanan ini mengumpulkan seramai 33 pengamal media yang mewakili The Star, Berita Publishing, Berita Harian, NST, Sinar Harian, RTM, Kosmo, Harian Metro, Utusan Malaysia dan Bernama. Terdapat 11 pasukan yang mewakili media dan 6 pasukan dari MPS.

Pasukan Sinar B telah menjadi johan dan membawa pulang wang tunai RM1000, piala dan hadiah sampingan. Naib johan pula dimenangi oleh Kosmo dengan wang tunai RM700 berserta hadiah sampingan dan tempat ketiga dimenangi oleh Harian Metro yang menerima RM500 dan hadiah iringan.

